
Abstrak Tesis-Tesis Ijazah Tinggi Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.

Seperti yang dinyatakan dalam Jurnal Pendidik dan Pendidikan Jilid 5 yang lepas, kita masih kekurangan bahan-bahan kajian ilmiah untuk dibaca oleh peminat-peminat kajian. Sebagai usaha lanjutan untuk menampung masalah tersebut Jurnal Pendidik dan Pendidikan keluaran kali ini membentangkan beberapa buah lagi abstrak tesis-tesis ijazah tinggi, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Kepada sesiapa yang berminat untuk membaca kajian-kajian asal (tesis-tesis) bolehlah meminjam salinan tesis-tesis berikut daripada Perpustakaan, Universiti Sains Malaysia.

1981 A Case Study Of The Environment Of A Teachers Training College In Penang, Malaysia.

Ijazah Sarjana, Law Swee Keat.

Jika setiap individu itu berbeza dari individu lain dalam keadaan fizikal dan psikologikalnya, begitu juga institusi-institusi pengajian tinggi boleh dibezakan dari segi struktur, objektif, kursus, guru, buku, ujian, syarahan, peraturan-peraturan, undang-undang dan sikap ahlinya. Akan tetapi sesebuah institusi pengajian tinggi sepatutnya mempunyai ciri-ciri tersendiri, bersesuaian dengan kedudukannya, yang menjadikannya lebih daripada satu koleksi objektif-objektif, sikap-sikap dan sifat-sifat. Keadaan inilah yang mengasingkannya dari institusi lain dan walaupun sifat ini tidak boleh didefinisikan dengan tepat, ianya akan mempengaruhi kita pada saat kita melangkah ke alam institusi itu. Pengaruh ini mungkin menjadi kuasa pembina yang kuat pada semua yang menuntut dan bekerja di dalamnya.

Kajian ini telah memeriksa persekitaran satu maktab perguruan di Pulau Pinang. Mengikut pendapat penulis, beberapa perkembangan sahsiah yang paling bererti terus berlaku pada masa individu itu ada di maktab dan perbezaan-perbezaan dalam aspek-aspek persekitaran formal dan informal akan meninggalkan kesan-kesan yang berbeza-beza itu. Berdasarkan "College and University Environment Scales (CUES)" yang dibentuk oleh C.R. Pace, kajian ini telah membandingkan persepsi-persepsi berbagai-bagai kumpulan dalam maktab dan juga persepsi penuntut-penuntut terhadap persekitaran maktab mereka dengan persekitaran institusi-institusi di tempat-tempat lain.

CUES terdiri daripada lima skala, setiap skala mengandungi dua puluh item. Skala-skala tersebut ialah kepraktikan (practicality), kesedaran (awareness), kesarjanaan (scholarship), perkongsian (community) dan ketertiban (propriety). Responden-responden menunjukkan sama ada mereka bersetuju atau tidak dengan item-item berkenaan dengan lima aspek persekitaran ini. Mengikut persepsi-persepsi yang telah diperolehi, persekitaran Maktab Perguruan Sri Pinang boleh disifatkan sebagai suatu yang menegaskan ketertiban dan kepraktikan, sedangkan kesarjanaan dan kesedaran tidak diberi banyak perhatian.

Identifikasi juga telah dibuat mengenai beberapa keadaan, amalan dan peraturan yang boleh menolong pendidik-pendidik mencapai tujuan latihan perguruan. Adalah sangat-

sangat diharapkan bahawa pelbagai saranan berkenaan dengan aspek-aspek persekitaran maktab perguruan yang dikemukakan dalam kajian ini akan diikuti dengan perubahan-perubahan dalam keadaan, amalan dan peraturan maktab supaya suatu persekitaran yang lebih unggul dapat dibentuk.

1981 A Survey On The Teaching Of Transformation Geometry In Malaysian Upper Secondary Schools

Ijazah Sarjana, Phuah Chor Poay

Tujuan kajian ini ialah untuk mencari tanggapan guru-guru terhadap kedudukan semasa penjelmaan geometri di sekolah menengah atas di Malaysia. Lebih Khusus, kajian ini akan mencari konsep guru-guru terhadap penjelmaan geometri dan tanggapan mereka terhadap persediaan guru-guru, tujuan dan matlamat, penyesuaian isikandungan, kepentingan relatif, kaedah mengajar, kemudahan-kemudahan, kesukaran-kesukaran dihadapi dan hasil pembelajaran murid-murid dalam pengajaran penjelmaan geometri di sekolah menengah atas di Malaysia. Lebih-lebih lagi, perhubungan rapat antara tanggapan guru-guru terhadap hasil pembelajaran murid-murid dan tanggapan mereka terhadap aspek-aspek lain tentang pengajaran penjelmaan geometri juga ditinjau.

75 orang guru matematik moden tingkatan 4-5 dari negeri Pulau Pinang telah terlibat dalam kajian ini. Guru-guru ini telah menjawab 78 perkara yang terkandung dalam satu soalselidik mengenai berbagai aspek masalah yang tercatat di atas. Keputusannya dianalisis dengan taburan frekuensi, analisa pertalian linear dan analisa faktor.

Keputusan-keputusan utama yang didapati dari kajian ini ialah:

1. Guru-guru yang telah menghadiri kursus dalam perkhidmatan matematik moden menilainya kursus yang dihadiri itu kurang memuaskan dari segi isikandungan dan kaedah mengajar penjelmaan geometri.
2. Majoriti daripada guru-guru nampaknya mempunyai konsep yang agak sesuai bagi penjelmaan geometri dari segi isikandungannya.
3. Lebih kurang 50% daripada guru-guru itu mengatakan bahawa isikandungan penjelmaan geometri dalam buku teks yang digunakan di sekolah mereka tidak sesuai untuk murid-murid.
4. Kebanyakan guru-guru mempunyai tanggapan bahawa tujuan dan matlamat mengajar penjelmaan geometri ialah:
 - (a) Memperkenalkan murid-murid dengan dasar penjelmaan-penjelmaan geometri dan sifat-sifatnya;
 - (b) Menggalakkan penglibatan diri mereka secara aktif di kalangan murid;
 - (c) Memberi satu pendekatan baru dalam pembelajaran geometri dan menjadikannya lebih diminati dan berguna;
 - (d) Untuk menyediakan murid-murid dalam pelajaran matematik lanjutan;
 - (e) Untuk memberi pendekatan paduan dalam pengajaran matematik;
 - (f) Mengemaskinikan isikandungan matematik sekolah.
5. Hanya 4% dari guru-guru yang terlibat menunjukkan yang sekolah mereka mempunyai bilik matematik.

6. Pendekatan makmal jarang digunakan untuk pengajaran penjelmaan geometri.
7. Peredaran **Berita Matematik** kurang memuaskan walaupun guru-guru berpendapat bahawa berita itu berguna.
8. Majoriti daripada guru-guru berpendapat bahawa sebagai hasil dari pembelajaran penjelmaan geometri, hasil pembelajaran murid-murid dalam konteks cara menjawab soalan-soalan, minat murid-murid, kebolehan murid-murid dalam bidang geometri dan kefahaman tentang geometri adalah tidak begitu memuaskan, sebagaimana yang sepatutnya, sekiranya mereka telah mempelajari Euclidean geometri.
9. Kesukaran dan masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru dalam pengajaran penjelmaan geometri adalah kekurangan masa, kekurangan buku teks yang sesuai dan buku-buku rujukan untuk guru-guru dan murid-murid, istilah-istilah dalam Bahasa Malaysia tidak tetap dan tidak ada tujuan dan matlamat yang disediakan untuk pengajaran penjelmaan geometri.
10. Pada keseluruhannya, tanggapan guru-guru atas hasil pembelajaran murid-murid dalam penjelmaan geometri adalah berkaitan dengan tanggapan mereka dalam bidang persediaan guru-guru, tujuan dan matlamat pengajaran penjelmaan geometri.

Syor-syor buat sementara pelaksanaan kurikulum terutamanya keperluan bagi pihak berkuasa yang berkenaan di Kementerian Pelajaran Malaysia, untuk mengambil perhatian mengenai isikandungan dan kaedah mengajar tentang penjelmaan geometri telah dicadangkan. Implikasi-implikasi bagi penyelidikan selanjutnya telah juga dicadangkan.

1982 Three Piagetian Experiments: An Investigation Into The Ability Of A Group Of Malaysian Primary School Children From A School With An Urban Character And From A School With A Rural Character To Conserve Length.

Ijazah Sarjana, Michael Liau Tet Loke.

Mengukur adalah satu topik dalam sukatan pelajaran matematik yang amat penting bagi kanak-kanak sekolah rendah. Guru-guru perlu mengetahui bila kanak-kanak sudah memahami konsep mengukur. Konsep mengukur adalah berdasarkan konsep mengekalkan panjang. Sebelum seorang murid boleh mengukur ia haruslah memperolehi konsep mengekalkan panjang.

Kebolehan mengekalkan panjang bermakna seorang murid boleh mengenali panjang sesuatu objek (misalnya sebatang kayu) tidak berubah walaupun bentuknya boleh berubah. Contohnya sehelai benang atau sekeping pelastisin tidak boleh berubah panjangnya walaupun sehelai benang itu atau sekeping pelastisin itu ditukar kedudukannya agar suatu bentuk baru diwujudkan.

Kanak-kanak yang usianya kurang daripada 9 tahun menghadapi kesulitan apabila mereka diberikan masalah-masalah yang memerlukan kebolehan untuk mengekalkan panjang. Bahkan, mungkin terdapat kanak-kanak yang boleh mengekalkan panjang sebelum mereka berusia 9 tahun.

Piaget telah menjalankan banyak percubaan untuk menunjukkan bahawa kanak-kanak melalui peringkat-peringkat yang berlainan dalam perkembangan kecerdasannya. Merujuk kepada kebolehan mengekalkan panjang, Piaget menunjukkan dalam percubaan-percubaannya kanak-kanak adalah didapati dalam peringkat-peringkat yang berbeza dalam

kebolehan untuk mengekalkan panjang yakni tidak boleh mengekalkan panjang, boleh mengekalkan panjang dengan separuhnya, dan boleh mengekalkan panjang dengan baiknya.

Tujuan kajian ini ialah untuk mengetahui samaada:

- (i) adanya perbezaan yang jelas di antara lelaki dengan perempuan dalam kebolehan mengekalkan panjang.
 - (ii) adanya perbezaan kebolehan untuk mengekalkan konsep panjang di antara murid-murid sekolah bandar dengan murid-murid sekolah luar bandar;
- dan (iii) kebolehan mengekalkan konsep semakin bertambah baik apabila usia kanak-kanak meningkat.

Kaji selidik ini mengikut tiga percubaan Piaget yang bertujuan mencuba menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan di atas.

Kaji selidik ini melibatkan seramai 240 orang murid yang bilangannya di bahagikan dua dan bahagian yang sama mengikut jantina. 120 murid, 30 murid untuk setiap darjah, dari Darjah 1-4, adalah dipilih secara bebas dari sebuah sekolah bandar dan 120 murid lagi, 30 murid untuk setiap darjah dari Darjah 1-4, adalah dipilih secara bebas juga dari sebuah sekolah luar bandar. Sekolah bandar dan sekolah luar bandar itu dipilih secara bebas dengan menggunakan satu kenyataan dari Pejabat Pelajaran Pulau Pinang.

Ketiga percubaan dijalankan berdasarkan kebolehan kanak-kanak mengekalkan panjang. Setiap murid disoal sambil menggunakan alat-alat tertentu, dalam satu sesi temuduga. Daripada jawapan-jawapan yang diberi dan yang direkodkan pengkaji itu mengekelaskan kanak-kanak itu kepada tiga kumpulan. Kriteria yang digunakan untuk mengelaskan kanak-kanak itu adalah berdasarkan kriteria yang digunakan oleh Piaget pada masa dahulu.

Keputusan dari kaji selidik ini menunjukkan bahawa:

- (i) tidak ada perbezaan yang signifikan di antara lelaki dengan perempuan dalam kebolehan untuk mengekalkan panjang.
 - (ii) kanak-kanak dari sekolah bandar nampaknya boleh mengekalkan panjang dengan lebih baiknya daripada kanak-kanak dari sekolah luar bandar;
- dan (iii) kebolehan kanak-kanak mengekalkan panjang bertambah baik mengikut umur yang meningkat.

Pada pendapat pencuba kaji selidik ini adalah berguna kepada guru-guru matematik serta pegawai-pegawai pusat perkembangan kurikulum.